

92
SOALAN NO.: 36

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI
KAWASAN : KUDAT**

SOALAN:

YB. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk menurap semula jalan utama Kota Marudu-Pitas-Paitan dan Kota Marudu-Kudat memandangkan terdapat banyak kerosakan sepanjang jajaran jalan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kudat, berdasarkan semakan Kementerian ini Jalan Kota Marudu – Pitas - Paitan adalah berstatus jalan Negeri iaitu di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sabah.

Manakala untuk laluan Kota Marudu Ke Kudat pula merupakan jalan Persekutuan yang disenggara melalui peruntukan Kementerian ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada tahun 2016 Kementerian Kerja Raya telah membelanjakan peruntukan sebanyak RM0.5 Juta bagi kerja menurap semula melibat laluan KM139.430 hingga KM140.000. Manakala pada tahun 2017 tiada sebarang kerja berkala pavemen dilaksanakan. Sekiranya terdapat keperluan bagi kerja berkala pavemen ianya akan dilaksanakan pada tahun 2018.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam masa yang sama Kerajaan juga sedang melaksanakan projek pembinaan Lebuhraya Pan Borneo yang menghubungkan Tuaran - Kudat iaitu melibatkan laluan persisiran pantai.

Sekian, terima kasih.